



ستياوسها كراجان نكري ملاك  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA  
Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM)  
Aras 3, Blok Bendahara  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya  
75450 AYER KEROH  
MELAKA


Tel: 606-333 3333 (Am) / 606-230 7220 (Terus)  
Faks: 606-232 8350  
Portal Rasmi: www.melaka.gov.my  
E-mel: naim@melaka.gov.my

Rujukan : JKMM/SUK/808/13 ( 98 )

Tarikh : 26 Ogos 2015

Ketua-Ketua Jabatan Negeri Melaka  
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan Negeri Melaka  
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka  
Ketua Agensi Badan Berkanun/ Persekutuan Negeri Melaka  
Institut Pengajian Tinggi Awam/ Swasta/ Anak Syarikat Negeri Melaka  
Semua Ketua Bahagian/ Unit Jabatan Ketua Menteri Melaka

YB. / YBhg. Datuk Wira / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,



## LARANGAN PENGLIBATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM DALAM PERHIMPUNAN HARAM ATAU GERAKAN YANG MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YB. / YBhg. Datuk Wira / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa penglibatan pegawai perkhidmatan awam dalam perhimpunan haram atau apa-apa bentuk gerakan yang boleh mengganggu ketenteraman awam dan mengancam keselamatan negara berlaku dalam beberapa bentuk, iaitu:

- a) penglibatan secara aktif di luar masa bekerja dengan menyertai apa-apa bentuk gerakan atau perhimpunan haram yang dianjurkan oleh mana-mana pihak;
- b) menggunakan masa pejabat dan meninggalkan pejabat untuk melihat dan menyertai gerakan atau perhimpunan haram; dan
- c) menggunakan peralatan pejabat seperti mesin cetak, mesin penyalin, komputer untuk mencetak dan mengedar risalah berkaitan dengan apa-apa gerakan atau perhimpunan haram.



MS ISO 9001:2008 REG. NO.: AR 3822

MS ISO/IEC 27001:2007 REG. NO.: AR 9724

"Tidak Sempurna Melawat Melaka, Jika Tidak Menyusuri Sungai Melaka"

